



Submission date: 02/6/2024 Accepted date: 1/10/2024 Published date: 1/11/2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol31no2.646>

PENGAJIAN KITAB TURATH PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA: KAJIAN KES KOLEJ PERMATA INSAN USIM

Turath Book Studies at Secondary School Level in Malaysia: Case Study of Kolej PERMATA Insan USIM

Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman¹, Zulkarnin Zakaria²,
Ahla Falihah Amir Fariz³, Fauzul Fitri Zakariya⁴

¹²³Kolej PERMATA Insan, USIM

⁴Pondok Moden Al-Abaqirah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

tgainulfarha@usim.edu.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang salah satu projek penyelidikan yang dibangunkan oleh sekumpulan pelajar di Kolej PERMATA Insan (KPI), USIM yang mengkaji tentang penggunaan teks kitab turath *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*, rujukan perubatan Melayu lama yang dikarang oleh Wan Ahmad Ibn Wan Muhammad Zayn Al-Fatani. Kajian ini bertujuan merekabentuk infografik bersepada berkaitan tajuk-tajuk dalam kitab turath. Untuk mencapai objektif ini, pelajar-pelajar mengekstrak kandungan kitab ini berdasarkan pembahagian topik-topik tertentu, kemudian mengesahkan maklumat tersebut dengan data saintifik, dan akhirnya merekabentuk infografik bersepada berkaitan topik. Kajian ini menggunakan model ADDIE (Analisis, Merekabentuk, Membangunkan, Melaksanakan, Menilai) dalam merekabentuk maklumat grafik tersebut. Beberapa pakar dalam bidang juga terlibat dalam menilai maklumat grafik yang telah direkabentuk. Akhirnya, infografik bersepada menggunakan aplikasi Canva dihasilkan dan memenuhi kehendak pembaca iaitu mempunyai teks asal dan disertakan bukti penemuan saintifik agar pembaca dapat disajikan dengan maklumat yang holistik tentang topik. Pada masa mendatang, diharapkan lebih banyak lagi infografik bersepada dari kitab turath dapat dihasilkan bagi mendedahkan para pembaca dengan warisan para ilmuan silam kita yang kian hari kian sendu dari mata pembaca hari ini.

Kata kunci: kitab turath, infografik, pelajar pintar berbakat

Abstract

This study discusses one of the research projects developed by a group of students at PERMATA Insan College (KPI), USIM who studied the use of the text of *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*, an old Malay medical reference authored by Wan Ahmad Ibn Wan Muhammad Zayn Al-Fatani. The aim of this study was to design an integrated infographic on the titles in the turath book. To achieve this objective, the student extracts the contents of this book based on the division of specific topics, then verify the information with scientific data, and finally design an integrated infographic related to the topic. This study used the ADDIE (Analysis, Design, Develop, Implement, Evaluate) model in designing the infographic. Several experts in the field are also involved in evaluating the already formed infographics. As a result, an integrated infographic using the Canva app is formed and meets the reader's needs of having original text and accompanying evidence of scientific discovery to provide readers with holistic information about the topic. In the future, it is hoped that more integrated infographics from the book of turath can be produced to expose the readers to the heritage of our past scholars who are growing from the eyes of today's readers.

Keywords: turath book, infographic, gifted and talented student

PENGENALAN

Ilmu merupakan satu harta yang tidak terbanding harganya. Dengan ilmu juga, darjah seseorang ditinggikan. Perkara ini jelas terlihat di dalam kalam Allah dan juga sunnah Rasulullah S.A.W tentang menuntut ilmu dan kewajipannya. Allah menyebut dalam surah Al-'Alaq bahawa pembacaan sebagai wahana penting dalam usaha keilmuan, dan pengukuhan kedudukan Allah SWT, sebagai sumber tertinggi ilmu pengetahuan manusia, seperti mana dalam ayat 1-5 yang bermaksud:

"Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam. Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya"

Ibnu Katsir menafsirkan kelima ayat di atas dan menyoroti pentingnya ilmu bagi manusia. Ibnu katsir menulis;

“Dalam ayat-ayat ini terdapat peringatan bahwasanya manusia diciptakan dari segumpal darah. Dan di antara bentuk anugerah Allah Ta’ala adalah mengajarkan manusia apa yang semula tidak di ketahuinya. Maka kemuliaan dan keagungan manusia terletak pada ilmu. Dan, inilah kemampuan yang membuat bapak manusia, Adam lebih istimewa daripada malaikat.”

Justeru, di sini jelas menunjukkan peranan ilmu dalam kehidupan Muslim. Tuntutan ke arah menuntut ilmu juga adalah sesuatu yang tidak dapat diambil enteng. Dalam merealisasikan objektif ini, pelbagai pihak mestilah berganding bahu untuk menyediakan fasiliti dan perkhidmatan yang lengkap dalam proses menimba ilmu. Peranan individu, keluarga, komuniti setempat dan pihak kerajaan sangat penting dalam membina masyarakat berilmu. Usaha ke arah mendidik masyarakat celik pengetahuan telah bermula sejak berzaman lamanya di negara kita. Inisiatif pendidikan secara tidak formal telah lama dijalankan di Malaysia, terutama melalui sistem pengajian pondok yang bersumberkan pengajian kitab turath atau juga dikenali sebagai kitab kuning. Di samping itu, pendidikan secara formal di Malaysia juga telah bermula semenjak era sebelum Merdeka.

Pendidikan formal di Malaysia bermula pada zaman penjajahan British dan kurikulum serta sistem persekolahan merupakan replika sistem penjajah yang ditubuhkan di negara sendiri. Tamadun British yang menjangkau berabad-abad dan meliputi negara-negara di seluruh benua dunia telah meletakkan pendidikan sebagai pelaburan modal insan dalam melahirkan masyarakat elit dan kelas tinggi. Di Malaysia, kumpulan yang mendapat keistimewaan akan termasuk kerabat diraja, pemimpin negeri atau daerah yang berpengaruh dan ahli terpilih anak kakitangan pentadbiran. Bentuk pendidikan awal di negara ini sentiasa di sekolah Inggeris yang ditubuhkan oleh pentadbiran British dan sekolah mualigh yang ditubuhkan oleh pelbagai pertubuhan atau gerakan Kristian semasa era awal penjajahan British di negara ini. Bagi kebanyakan orang Melayu Islam, pendidikan Islam telah menjadi bentuk persekolahan yang dipercayai untuk anak-anak mereka. Maka tertubuhnya banyak institusi Pondok berteraskan agama tidak formal di seluruh negara khususnya di kawasan Semenanjung Malaysia sebelum merdeka. Sejarah pendidikan Pondok sebagai salah satu sistem pendidikan terawal yang pernah wujud di negara ini telah didokumentasikan dengan baik dan disebut dalam banyak kajian yang dilakukan sebelum ini (Syed Shamsuddin, 2018; Dorloh dan Hashim, 2019; Faudzinaim, 2012).

PONDOK SEBAGAI PUSAT PEMBELAJARAN KITAB TURATH PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

Dalam sejarah Malaysia baru-baru ini, masyarakat Melayu Islam telah memilih sistem pendidikan Pondok sejak abad ke-19 kerana ia menawarkan pengajian Islam sebagai

komponen utama dalam kurikulum. Sudah menjadi kepercayaan umum dalam kalangan masyarakat Melayu bahawa anak-anak mereka perlu membesar dan menjadi Ustaz (guru agama Islam) atau memegang jawatan yang berkaitan dengan jawatan agama (Dorloh dan Hashim, 2019). Pada masa yang sama, sebuah Pondok turut dibuka kepada orang ramai dan mereka yang berminat untuk menyambung pengajian dalam pelbagai mata pelajaran Islam yang diajar oleh Ustaz atau Ulama. Dalam Islam, seseorang harus percaya kepada pembelajaran sepanjang hayat, dan tidak boleh berhenti belajar dan meningkatkan pengetahuan mereka tanpa mengira usia dan kedudukan mereka. Budaya ilmu Islam terpelihara dengan kewujudan banyak Pondok yang berkhidmat kepada masyarakat, merentas generasi.

Penubuhan Pondok ini dinaungi oleh pelbagai pihak samada agensi atau yayasan mahupun persendirian. Mengambil contoh situasi di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menubuhkan Pondok Moden al-Abaqirah (PMA) bagi melahirkan dai'e yang bersifat faqih. Bagi mencapai matlamat itu, satu bentuk kurikulum yang merangkumi pengajian kitab turath Arab dan Jawi telah dibentuk. Kurikulum ini mempunyai empat bahagian iaitu: Bahasa Arab, Fiqh, Usuluddin dan Akhlak. Kurikulum ini menggunakan kitab-kitab turath yang beredar di dunia Nusantara dan Arab (www.alabaqirah-maiwp.edu.my). Walaupun PMA memfokuskan kitab turath, kurikulum aliran perdana tidak diketepikan. PMA turut menawarkan pengajian yang berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Jadi, pelajar PMA akan mendapat tiga sijil setelah selesai tempoh pengajian di PMA iaitu Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Agama Malaysia dan Syahadah 'Ulya (sijil yang dianugerahkan bagi pelajar yang menyelesaikan pengajian turath di PMA). Guru-guru PMA menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang berasaskan PAK-21. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dapat menarik minat pelajar kepada pelajaran. MAIWP telah membiayai pembinaan dua buah kelas masa hadapan (*future classroom*) yang dilengkapi setiap satu dengan sebuah *smart board* dan dua buah televisyen. Walaupun kitab-kitab yang dipelajari itu kitab klasik, namun pendekatan yang digunakan oleh guru-guru mampu menarik minat pelajar terhadap kitab-kitab tersebut.

Selain PMA, terdapat beberapa sekolah menengah lain yang turut menjalankan pengajian kitab turath. Pengajian kitab turath digunakan dalam penawaran pakej mata pelajaran al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab. Antara sekolah yang menawarkan sijil ini adalah Sekolah Imtiaz Yayasan Terengganu dan Maahad Integrasi Tahfiz Negeri Selangor. Manakala Kolej PERMATA Insan (KPI) pula menggunakan kitab ini dalam salah satu komponen pengayaan di sekolah mereka, di samping bidang-bidang penyelidikan lain yang terdapat di kolej ini. Mata pelajaran penyelidikan di KPI adalah

merupakan subjek yang mesti diambil oleh pelajar bermula pada usia 13 tahun sehingga mereka menduduki SPM (<https://permatainsan.usim.edu.my/>).

KITAB TURATH DI KOLEJ PERMATA INSAN USIM

Di Kolej PERMATA Insan, kurikulum pelajar pintar berbakat Muslim adalah gabungan mata pelajaran akademik dan Ulumuddin (Zakaria et al., 2021; Spawi et al., 2022). Komponen teras kurikulum ialah mata pelajaran *Science, Technology, Engineering, Mathematics (STEM)* yang berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kolej ini juga mempunyai pendidikan al-Quran dalam komponen Ulumuddin kerana pelajar juga menghafaz dan memahami al-Quran dalam program pendidikan al-Quran mereka. Jadi, kurikulum di kolej ini menggabungkan komponen STEM dan Ulumuddin dalam pengajaran dan pembelajaran, termasuk komponen penyelidikan. Ianya selari dengan gagasan yang dibawa oleh pihak di Universiti Sains Islam Malaysia, iaitu Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.

Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang diambil oleh semua program akademik di Universiti Sains Islam Malaysia. Ini juga dianggap sebagai strategi yang diambil untuk memastikan ilmu khususnya sains dan teknologi tidak terlepas daripada pandangan dunia agama dalam memahami teori, penemuan dan inovasi yang dibuat dalam bidang sains dan teknologi. Pandangan dunia barat terhadap sains dan teknologi sentiasa bertumpu pada kemampuan dan akal manusia untuk menemui ilmu baru dan sebarang bentuk ciptaan tanpa menyebut ilmu yang terdapat dalam mana-mana rujukan agama (Zakaria et al., 2024). Ringkasnya, kepercayaan umum adalah kedua-dua jenis pengetahuan tidak serasi dan oleh itu harus dipelajari secara berasingan dalam dunia akademik barat.

METODOLOGI

Bagi mencapai objektif kajian ini, tiga bahan utama yang digunakan iaitu pertama, kitab turath *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan* (kitab perubatan Melayu lama), kedua beberapa artikel dari jurnal akademik dalam bidang perubatan moden dan akhirnya aplikasi Canva bagi merekabentuk infografik bersepadan ini. Kajian ini mengikuti proses-proses yang dicadangkan oleh Branch, R. M. (2009) dalam kajiannya tentang rekabentuk pengajaran model ADDIE. Berikut ialah proses yang dimaksudkan:

Analysis (Analisis) – Pada peringkat ini, pelajar mengekstrak isi-isi penting dari kandungan dalam setiap bab (fasal) yang telah ditetapkan. Meraka perlu membaca dan memahami gaya penulisan Melayu-Arab yang digunakan oleh penulis. Kitab ini ditulis menggunakan tulisan Jawi lama.

Design (Rekabentuk)- Pada peringkat ini, pelajar perlu membina satu peta minda tentang maklumat yang mereka perolehi dari bahan mentah. Ini kerana kitab turath ini ditulis tanpa sebarang gambar sebagai bantuan untuk mencapai kefahaman makna yang dimaksudkan. Merka juga perlu menulis semula maklumat yang diperolehi dalam tulisan rumi yang difahami umum.


Develop (Membangunkan)-Pada peringkat ini pelajar perlu mencari dan membuktikan penemuan saintifik pada rawatan penyakit yang dicadangkan oleh penulis kitab, pelbagai artikel dari jurnal akademik dalam bidang kesihatan digunakan sebagai rujukan untuk menjadikan maklumat ini bersepadu dan holistik.

Implement (Melaksanakan)- Pada peringkat ini, pelajar perlu merekabentuk infografik bersepadu berkaitan tajuk dengan memasukkan teks asal, bukti penemuan saintifik, dan bahan lain yang difikirkan perlu bagi membina sebuah infografik yang lengkap dan boleh difahami dengan jelas oleh pelbagai golongan pembaca.

Evaluate (Menilai)- Pada peringkat akhir ini, draf infografik bersepadu yang telah siap dinilai oleh pakar bidang bagi mendapat kesahan maklumat sebelum infografik ini dicetak dan disebarluaskan kepada umum. Pakar yang terlibat ialah pakar bidang kitab turath dari Pusat Pengajian Teras USIM dan pakar bidang Perubatan dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM.

HASIL KAJIAN

Berikut merupakan salah satu contoh infografik bersepadu yang dihasilkan bagi tajuk Penyakit Kencing Berdarah (*Hematuria*). Infografik bersepadu yang dihasilkan memenuhi aspek yang diperlukan, iaitu terdapat keratan teks asal dari kitab yang ditulis dalam tulisan Jawi lama, terdapat pendahuluan kepada topik yang dibincangkan (Penyakit Kencing Berdarah), terdapat ulasan dari penemuan saintifik terhadap kaedah rawatan yang dicadangkan di dalam kitab, terdapat senarai rujukan yang digunakan dalam membuktikan maklumat bersepadu ini dan akhirnya disertakan juga dengan gambar berkaitan penyakit dan bahan rawatan yang diperlukan.



KESIMPULAN

Integrasi Naqli dan Aqli sentiasa menjadi falsafah pendidikan di Universiti Sains Islam Malaysia dan usaha telah diambil untuk merapatkan jurang mata pelajaran STEM dan Ulumuddin dalam semua program akademik yang dijalankan di universiti. Pengalaman pembelajaran yang diberikan kepada pelajar adalah sebahagian daripada proses untuk memberi mereka gambaran tentang apa yang sepatutnya berlaku daripada penemuan mereka belajar daripada pelbagai sumber ilmu yang umumnya dikenali sebagai sains Islam atau mata pelajaran ilmu.

Dalam projek infografik bersepadan kitab turath ini, kedua-dua tenaga pengajar dan pelajar telah memulakan cabaran untuk mencungkil dan mendedahkan ilmu sains yang telah direkodkan dalam bentuk teks rujukan turath. Ketersediaan pengetahuan saintifik yang kaya dalam teks tradisional tidak mudah dibaca dan difahami oleh ahli akademik STEM biasa kerana teks rujukan turath perlu dikaji dan diterokai oleh

pendidik yang terlatih, seperti dalam kes ini, pakar dari Pusat Pengajian Teras di USIM sendiri memberikan panduan.

Mendokumentasikan maklumat yang terkandung dalam teks rujukan turath merupakan projek yang bermanfaat dari perspektif saintifik dan pendidikan Al-Quran kerana ia membolehkan pelajar dan ahli akademik meningkatkan pemahaman mereka tentang topik yang ditemui melalui proses INAQ. Projek itu menandakan bahawa lebih banyak tugas yang serupa infografik bersepada ini boleh diperkenalkan sebagai aktiviti pembelajaran bentuk dan penilaian bersepada.

PENGHARGAAN

Barisan penulis ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Kolej PERMATA Insan USIM atas bantuan dan fasiliti yang diberikan, dan kajian ini berdaftar dengan kod geran PPPI/PTJ/KGI/USIM/14023 yang ditaja oleh Bahagian PERMATA, Kementerian Pendidikan Malaysia.

RUJUKAN

- Branch, R. M. (2009). Instructional design: The ADDIE approach (Vol. 722). Springer Science & Business Media.
- Dorloh, S., & Hashim, I. (2019). Islamic Education with Reference to Pondok in Patani: Some Reflections. International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam, 1(2), 46–53. <https://doi.org/10.35631/irjsmi.12006>
- Faudzinaim Hj. Badaruddin (2012). Peranan kitab Jawi tasawuf sebagai medium transmisi ilmu Islam kepada masyarakat Melayu Nusantara. International Journal of Islamic Thought. 1: 19-26.
- <https://www.alabaqirah-maiwp.edu.my/i/index.php/my/pengenalan/keunikan-pondok-moden-al-abaqirah>
- <https://pendidikan.jais.gov.my/sites/default/files/pelaksanaan%20KBT%20dan%20Syahadah%20Ulya-02102019103908.pdf>
- <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/permohonan-kemasukan-al-syahadah-al-ulya-ulul-albab-tingkatan-4-ambilan-2022>
- Ibn Katsir, Tafsir al-Qur'an al-'azim, Jilid 4, hlm. 647-648.
- Syed Shamsuddin, S. S. (2018). Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. Sains Insani, 3(1), 27–37. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no1.21>
- Zakaria, Z., Spawi, M., Mohd Ali, M. Z., Amin, A. F. M., & Usop, R. (2021). Like, comment and share: Understanding language learning experience of gifted students through massive open online course (MOOC) platform. Journal of Language and Linguistic Studies, 17(3), 1440-1456

Zakaria, Z., Adnan, L. A., Kamarul Jumat, M. A., Wan Kamaruddin, W. A. Z.,
Tg Abdul Rahman, T. A. F., & Nurdalila A'wani A. A. (2024).
Designing Learning Using Infographic from Kitab Turath Syllabus:
Pembelajaran Dengan Penghasilan Infografik bagi Pemahaman Kitab
Turath. *Sains Insani*, 9(1), 121-128.